

MWM 2024 RAIKAN WARTAWAN CEMERLANG HKM 2023

Kuala Lumpur, 7 Jun 2024 – Seramai 118 pemenang Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-PETRONAS 2023 (HKM 2023), diiktiraf dan diraikan dalam majlis gilang-gemilang Malam Wartawan Malaysia (MWM) 2024, di sini malam ini.

Hasil karya mereka terpilih menduduki tiga tempat terbaik iaitu emas, perak dan gangsa. Pemenang emas membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000 berserta trofi dan sijil, manakala pemenang perak dan gangsa masing-masing menerima RM3,000 dan RM 2,000 serta sijil.

HKM adalah program tahunan dianjurkan oleh Malaysian Press Institute (MPI) sejak 1980, manakala PETRONAS adalah penaja utama HKM sejak 1994.

Penajaan PETRONAS pada tahun ini memasuki tempoh 30 tahun membuktikan komitmen syarikat minyak nasional itu dalam memartabatkan dunia kewartawanan negara serta mengiktiraf karya-karya pengamal media tempatan.

MWM 2024 diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Turut hadir Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, YM Tan Sri Tengku Taufik Tengku Kamadjaja Aziz.

Lebih 900 tetamu, sebahagian besarnya pengamal media dan rakan-rakan korporat hadir memeriahkan MWM kali ini. Ia adalah acara tahunan berprestij yang dinantikan oleh warga media, terutama di kalangan mereka yang telah menghantar penyertaan masing-masing.

HKM MPI-PETRONAS 2023 mencatatkan peningkatan penyertaan 21 peratus, iaitu 488 karya telah diterima berbanding 368 pada tahun sebelumnya. Jumlah penyertaan untuk Kategori Media Cetak dan Portal paling ketara meningkat dan kualiti karya juga menunjukkan peningkatan.

Sebanyak enam kategori baharu diperkenalkan tahun lalu termasuk Kewartawanan ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) yang berjaya menarik banyak penyertaan, begitu juga kategori baru untuk media penyiaran TV, video dalam talian dan radio.

Bagi kategori utama Hadiah Kajai yang sebelum ini dimonopoli wartawan media cetak, saingan sengit oleh media digital khususnya portal berita boleh memberi

kejutan pada HKM kali ini. Anugerah Tokoh Wartawan Negara juga memecah tradisi dengan penerima kali ini adalah seorang wartawan wanita tersohor.

Hadiah Kajai ialah kategori tertinggi dipertandingkan untuk karya yang luar biasa cemerlang, manakala Tokoh Wartawan Negara adalah pengiktirafan kepada sumbangan, peranan dan jasa besar seseorang wartawan yang diakui mencapai tahap terbilang dalam kerjaya kewartawanannya.

Penerima Hadiah Kajai dan Tokoh Wartawan Negara masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM30,000, trofi dan sijil.

Dikeluarkan pada 7 Jun 2024